


JABATAN PELAJARAN MELAKA  
JALAN ISTANA, PETI SURAT NO. 62,  
75902 MELAKA

**CEPAT, TEPAT, HEBAT**

**MEMO DALAMAN**



<b>SEKTOR PENGURUSAN SEKOLAH</b>	
UNIT PERHUBUNGAN DAN PENDAFTARAN faks : 06-2315227	
<b>Kepada</b>	: Pegawai Pelajaran Daerah Melaka Tengah Pegawai Pelajaran Daerah Alor Gajah Pegawai Pelajaran Daerah Jasin
<b>Daripada</b>	: Ketua Unit Sektor Pengurusan Sekolah
<b>Salinan</b>	: Pengarah Pelajaran Melaka
<b>Tarikh</b>	: 22 Julai 2010
<b>Perkara</b>	: <b>PERMOHONAN SOKONGAN DAN KERJASAMA BAGI MEMERIAHKAN PROGRAM "1 SKY WORLD" SEMPERA ULANG TAHUN MELAKA PLANETARIUM ADVENTURE SCIENCE CENTRE</b>
<b>Rujukan</b>	: JPM.SPS.UPP.100-1/4/1Jld 3 ( )

Tuan,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini disertakan surat-surat dari agensi luar untuk makluman dan perhatian tuan. Dipohon agar tuan dapat menyebarkan maklumat tersebut ke sekolah-sekolah di bawah seliaan tuan melalui portal Pejabat Pelajaran Daerah masing-masing.

Sekian terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

  
**(HJ. ASHA'ARI BIN JOHARI)**  
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah

Untuk Tindakan/Makluman/Perhatian	
PPD	
KUP Sekolah	
KUP Akademik	
KUP Kemajuan	
KUP Islam/Moral	
KUP Pem. Bekalan	
KU Maklumat/ICT	
Peg. Kaunseling	
KU Kewangan	
KU Perkh. Tadbran	

*Hj Husaini*  
*Sebar kan*

*En. Helmy,*  
*email ke semua*  
*skolah Daerah Jasin*  
*ma'hamat*  
*ke sekolah*



## PLANETARIUM MELAKA SDN BHD (725140 U)

(Melaka State Government Subsidiary)  
**KOMPLEKS MITC, HANG TUAH JAYA**  
**75450, MELAKA**


TEL : 06-232 2122 FAX : 06-232 0408

Rujukan: PMSB/BDM/1S1W/2010-001

Tarikh : 20 Julai 2010

Pengarah,  
 Jabatan Pelajaran Negeri Melaka,  
 Jalan Istana,  
 Peti Surat No. 62,  
 75450 Melaka.

Tuan,




*Ku Perhubungan  
 Sg. Kertan sat bpd sama teh  
 ngg akba surat carta program ni,  
 21/7/10*

### PERMOHONAN SOKONGAN DAN KERJASAMA BAGI MEMERIAHKAN PROGRAM "1 SKY WORLD" SEMPERNA ULANG TAHUN MELAKA PLANETARIUM ADVENTURE SCIENCE CENTRE

HAJISA B. HAJI ABU  
 PENGARAH PELAJARAN  
 MELAKA

Adalah dengan hormatnya kami merujuk perkara seperti di atas.

2. Kami di Planetarium Melaka Sdn. Bhd. berhasrat menganjurkan program "1 Sky 1 World" bersempena sambutan ulang tahun buat julung kalinya pada 7 Ogos 2010 (Sabtu) dan akan berakhir pada 8 Ogos 2010 (Ahad).
3. Program seumpama ini dirancang bertujuan mendekatkan pelajar dan masyarakat dengan produk dan aktiviti Planetarium Melaka Sdn. Bhd. yang merupakan salah satu produk perlancongan yang berasaskan pendidikan sains astronomi dan aero-angkasa yang akan di sertai oleh orang ramai.
4. Selain daripada penyertaan oleh orang ramai, pihak media massa turut dijemput untuk mengambil bahagian. Ini juga merupakan salah satu usaha dari pihak kami untuk mendekatkan lagi masyarakat dengan media yang secara tidak langsung akan dapat menyampaikan informasi secara lebih dekat lagi.
5. Peserta aktiviti adalah para pengunjung yang datang pada hari pertama dan kedua program ini berlangsung serta akan disediakan pelbagai aktiviti menarik (*indoor & outdoor*) yang di rancang bersama hadiah pemenang mengikut peringkat umur dan jenis aktiviti yang di sertai pengunjung.
6. Selain itu, di atas prinsip dan konsep masyarakat penyayang, kami turut memberi kemasukan percuma bagi golongan orang kurang upaya, warga emas dan kanak-kanak di bawah umur 5 tahun ke bawah. Melalui program sebegini, Planetarium Melaka dapat mengeratkan silaturrahim bersama semua lapisan pengunjung yang memeriahkan suasana sambutan ulangtahun kami.
7. Program ulangtahun pertama *Melaka Planetarium Adventure Science Centre* ini akan di sempurnakan oleh Y.B. Datuk Yaakub Bin Md. Amin, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia pada majlis perasmian pembukaan dan majlis penutup program serta penyampaian hadiah kepada pemenang akan disempurnakan oleh Y.A.B Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka.




8. Oleh yang demikian, kami amat mengharapkan sokongan dan kerjasama daripada pihak tuan untuk memaklumkan kepada semua pihak sekolah di bawah pengurusan pihak tuan bagi menjayakan program tersebut disamping memupuk semangat membantu golongan kurang upaya bagi menikmati kemudahan platform pendidikan yang sama seperti golongan normal.

9. Kami warga Planetarium Melaka Sdn. Bhd. mengucapkan jutaan terima kasih di atas sokongan yang diberikan bagi menjayakan program ini dan segala maklumat lanjut mengenai program ini disertakan di dalam ruangan lampiran sebagai rujukan pihak tuan.

Justeru segala sokongan dan kerjasama yang di berikan dalam menjayakan program penuh bermakna ini amat kami alu-alukan. Kami dahului dengan ucapan terima kasih.

" 1 MALAYSIA, MELAKA MAJU 2010 "  
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Sekian, salam hormat.

  
.....  
Y.B. Datuk Hj. Yaakub Bin Md. Amin  
Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran,  
Sains & Teknologi dan Sumber Manusia  
merangkap  
Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah  
Planetarium Melaka Sdn. Bhd.

JABATAN PELAJARAN MELAKA UNIT PERHUBUNGAN & PENDAFTARAN	
<input type="checkbox"/> Ketua Unit	<input checked="" type="checkbox"/> Dik tinjau
<input checked="" type="checkbox"/> Pen. Pengerah (1)	<input type="checkbox"/> Makluman
<input type="checkbox"/> Pen. Pengerah (2)	<input type="checkbox"/> Site bincang
<input type="checkbox"/> Penyelia (1)	<input type="checkbox"/> Edarkan
<input type="checkbox"/> Penyelia (2)	<input type="checkbox"/> Failkan
<input type="checkbox"/> PT (1) / (2)	<input type="checkbox"/> Site hadir
<input type="checkbox"/> PTR	<input type="checkbox"/> Lain-lain
<input type="checkbox"/> PAP	
..... Tanda tangan	..... Tarikh

**Lampiran 2****Tarikh : 7 Ogos 2010 (Hari Perasmian)****Tempat : Planetarium Melaka**

MASA	AKTIVITI
10:00 pagi	: Ketibaan Para Jemputan Khas / Media <b>Dr. Mohd Aluwi bin Sari</b> , Ketua Pengarah Eksekutif Direktorat Pelaksanaan Negeri merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Planetarium Melaka.
10:30 pagi	: Ketibaan <b>YB Datuk Hj. Mohd Yaakub bin Md.Amin</b> , Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Planetarium Melaka.
10:00 pagi	: Bacaan Doa, Imam Masjid al Alami.
10.15 pagi	: Ucapan alu- aluan oleh <b>Dr. Mohd Aluwi bin Sari</b> , Ketua Pengarah Eksekutif Direktorat Pelaksanaan Negeri merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Planetarium Melaka.
10.30 pagi	: Ucapan perasmian oleh <b>YB Datuk Hj. Mohd Yaakub bin Md.Amin</b> , Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Planetarium Melaka.
10.45 pagi	: Upacara memotong kek Ulang Tahun Pertama, Planetarium Melaka.
11.00 pagi	: Sesi Lawatan Aktiviti
11.00 pagi - 1 petang	Program Mewarna, "1 Sky, 1 World" 1. Kanak-kanak berumur 6 dan 7 tahun 2. Kanak-kanak berumur 8 hingga 10 tahun 3. Kanak-kanak berumur 11 dan 12 tahun <span style="font-size: 2em; vertical-align: middle;">}</span> Peserta Sekolah Tadika dan Sekolah Rendah
11.00 pagi - 1 petang	: Program Melukis, "1 Sky, 1 World" (Menggunakan warna hitam dan putih) untuk peserta dewasa.
2.00 petang 10.00 pagi - 5.00 petang	Astronomi Talk Mural Painting  Wall Climbing } Trampling Jump } Usahasama bersama Persatuan Sukan Rekreasi Dan Mendaki Tembok Tiruan Negeri Melaka (REDTMA)  Spectro - photography } Sun Observation } Usahasama bersama Universiti Sains Malaysia (USM)
	Tayangan 3D (3 tayangan yang berbeza mengikut jadual waktu tayangan) 1. The Universe 2. Two Small Pieces of Glass 3. Cosmic Safari

12.00 tengahari : Jamuan Makan Tengahari.

5.00 petang : Majlis bersurai.

**Tarikh : 8 Ogos 2010 (Hari Kedua)**

**Tempat : Planetarium Melaka**

MASA	AKTIVITI
11.00 pagi - 1 petang	Program Mewarna, "1 Sky, 1 World" 4. Kanak-kanak berumur 6 dan 7 tahun 5. Kanak-kanak berumur 8 hingga 10 tahun 6. Kanak-kanak berumur 11 dan 12 tahun
	} Peserta Sekolah Tadika dan Sekolah Rendah
11.00 pagi – 12.00 tengahari:	Program Melukis, "1 Sky, 1 World" (Menggunakan warna hitam dan putih) untuk peserta dewasa.
1:00 petang	Ketibaan Para Jemputan Khas / Media <b>Dr. Mohd Aluwi bin Sari</b> , Ketua Pengarah Eksekutif Direktorat Pelaksanaan Negeri merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Planetarium Melaka dan <b>YB Datuk Hj. Mohd Yaakub bin Md.Amin</b> , Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Planetarium Melaka, Ahli Lembaga Pengarah.
1:30 petang	Ketibaan <b>YAB Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam</b> , Ketua Menteri Melaka.
1:45 petang	Bacaan Doa, Datuk Mufti.
2.00 petang	Ucapan alu- aluan oleh <b>YB Datuk Hj. Mohd Yaakub bin Md.Amin</b> , Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Planetarium Melaka.
2.15 petang	Ucapan perasmian penutup oleh <b>YAB Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam</b> , Ketua Menteri Melaka.
2.30 petang	Sesi Penyampaian Hadiah kepada para pemenang oleh <b>YAB Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam</b> , Ketua Menteri Melaka.